

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci dengan jadual :-

- (a) perbelanjaan dan suntikan dana daripada 1MDB; dan
- (b) sumbangan Kerajaan dan derma majikan atau orang awam kepada Yayasan 1MDB untuk setiap tahun dari 2009 sehingga 2014.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Ucapan Bajet pada tahun 2010, YAB Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa 1MDB akan menubuhkan satu dana tanggungjawab sosial korporat atau CSR. Dana berkenaan merupakan antara tabungan yang terbesar berjumlah RM100

juta sebagai permulaan untuk membiayai aktiviti kemasyarakatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan tiada memberikan apa-apa sumbangan kepada Yayasan 1MDB berkenaan.